

19 AUG 1996

Mahathir-Nikmat

AHLI POLITIK DAN PEGAWAI KERAJAAN PERLU KERJASAMA

KUALA TERENGGANU, 19 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata ahli politik dan pegawai kerajaan perlu terus bekerjasama bagi membangunkan negara.

Dr Mahathir menegaskan kerjasama itu perlu supaya negara ini satu hari nanti benar-benar menjadi negara maju yang dihormati seluruh dunia.

"Kita mesti yakin dengan apa yang kita boleh buat dan kalau kita boleh dapat kestabilan politik seperti yang ada sekarang dan kita secara ikhlas betul-betul berminat untuk membangunkan negara kita, bangsa kita akan menjadi satu bangsa yang berjaya dan dihormati," katanya.

Beliau berucap pada majlis makan tengah hari bersama para pemimpin politik dan pegawai kanan kerajaan sempena lawatan beliau ke Terengganu hari ini.

Perdana Menteri juga berkata rakyat negara ini patut bersyukur dengan pelbagai nikmat yang diberikan oleh Allah termasuk keindahan pantai dan tasik seperti di Terengganu.

Katanya ada negara di dunia tidak mempunyai laut dan untuk menghantar barangan mereka terpaksa menyeberang negara yang kadang-kadang tidak bersahabat dengan mereka dan menghalang perjalanan barangan mereka pergi dan balik.

"Kita di Malaysia bertuah kerana mempunyai banyak aset yang boleh diguna untuk memperkaya dan memajukan negeri," kata Dr Mahathir.

Bagaimanapun, katanya, kekayaan itu perlu diuruskan dengan baik supaya ia dapat memberi manfaat kepada negara dan rakyat.

Beliau menegaskan negara yang maju tidak bergantung kepada sumber semula jadinya sahaja tetapi pandai menggunakan sumber yang dikurniakan Tuhan itu.

Dr Mahathir juga menegur sikap segelintir anggota masyarakat yang sentiasa iri hati terhadap kejayaan orang lain terutama usahawan tempatan.

Katanya kejayaan usahawan tempatan boleh diraih oleh orang lain jika mereka sanggup bekerja keras.

"Tan Sri Tajuddin Ramli berasal dari sebuah kampung di Kedah dan biasa berjalan kaki sejauh empat batu ke sekolah tetapi kini beliau memiliki CELCOM, MAS..." kata Perdana Menteri.

Sementara itu, pada sebelah petangnya Perdana Menteri merasmikan penutupan Kejohanan Badminton Piala Perdana di Stadium Negeri di sini.

Kejohanan itu yang dianjurkan oleh Badan Amal dan Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI), disertai oleh 13 pasukan dari seluruh negara.

Badan Amal dan Kebajikan Isteri Wakil-wakil Rakyat Selangor (BALKIS) muncul juara pertandingan itu manakala BAKTI menjadi naib johan.

Piala kejohanan telah disampaikan oleh Perdana Menteri kepada Yang Dipertua BALKIS Puan Sri Asbi Rohani Asnan. -- BERNAMA

SBJ NMO